

Wadah Pembaharuan

BH

BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my

Bukit Persekutuan mula kena gondol

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bukit Persekutuan yang sepatutnya menjadi 'nadi hijau' bagi ibu kota kini berdepan ancaman dengan beberapa projek pembangunan dan penerokaan sedang dilakukan, termasuk di kawasan puncak bukit.

Kawasan hutan yang berkelu-

san 74 hektar itu amat penting bukan sahaja berperanan sebagai 'penyelamat' ibu kota dari risiko pulau haba, namun turut menempatkan 113 banglo lama, termasuk premis bersejarah berusia lebih 100 tahun.

Ia termasuk kediaman Frank Swettenham iaitu individu yang bertanggungjawab dalam pembentukan Negeri Melayu Persekutuan

(FMS) yang kini dikenali sebagai Carcosa Seri Negara, selain menjadikan kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi British sebelum ini.

Berdasarkan tinjauan *BH* di sekitar Bukit Persekutuan baru-baru ini, terdapat sekurang-kurangnya tiga projek pembangunan sedang dijalankan.

Nasional 2, 3

Eksklusif



(Foto Asyraf Hainzah/BH)

Saifuddin Nasution tegaskan tidak miliki 'cai' untuk rebut jawatan Timbalan Presiden PKR **Nasional 8**

Rayuan akhir Najib ketepikan hukuman kes SRC International bermula 15 Ogos

Nasional 14



'Datuk' beli 'nasi ganja' guna helikopter ketika PKP dihadapkan ke mahkamah

Nasional 15



Bukit Persekutuan perlu diwarta Tapak Warisan Semula Jadi Negara

Desakan supaya kawasan hutan 74 hektar bebas projek komersial dilakukan sejak 2007

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bukit Persekutuan perlu diwartakan sebagai Tapak Warisan Semula Jadi Negara dalam memastikan tiada sebarang pembangunan komersial boleh dilaksanakan di kawasan hutan itu.

Pengerusi Eastern Regional Organisation for Planning & Human Settlements (EAROPH Malaysia), Ar John Koh Seng Siew, berkata desakan supaya kerajaan mewartakan Bukit Persekutuan sudah dilaksanakan sejak 2007 lagi oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persa-

tuan penduduk serta Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) sendiri.

"Namun, sehingga kini Bukit Persekutuan belum diwartakan sebagai tapak warisan semula jadi walaupun beberapa kali hasil ini diutarakan kepada pihak berwajib.

"Malah, melalui mesyuarat bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum ini pernah dicadangkan secara bertulis bagi pewartaan Bukit Persekutuan ini melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040.

"Amat penting untuk Bukit Persekutuan diwartakan dalam keadaan sekarang bagi 'menyelamatkan' Kuala Lumpur," katanya kepada BH.

John Koh turut berpendapat, sudah sampaikan masanya DBKL mempunyai garis panduan khusus bagi mengawal pembangunan yang hendak dilakukan di Bukit Persekutuan.

Selain itu, beliau berkata, sudah banyak kali persatuan penduduk di kawasan berhampiran dengan garis panduan menyuarakan aduan dan mendesak supaya DBKL mengehadkan pembangunan di kawasan berhampiran.



Kesan runtuh di Lingkungan Negeri Sembilan, Bukit Persekutuan yang memberi kesan kepada penduduk perumahan berhampiran.
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

dan khazanah hutan itu.

"Apabila adanya pembangunan di kawasan tanah tinggi dan berlaku hujan, air akan terus turun ke kawasan bawah berikutnya tiada pokok untuk me-

nahan atau menyerapnya. "Ia bukan sahaja menyebabkan banjir, malah juga terdedah kepada risiko tanah runtuh di kawasan kediaman berhampiran," katanya.

'Wajib' pertahankan kawasan hijau di tengah kota

Dari Muka 1

Ia termasuk di puncak bukit apabila kerja pembersihan hutan dan pengondolan tanah dilakukan, diperlukan untuk sebuah projek pembinaan.

Terdapat dua jentolak dan loripengangkut tanah di situ, selain sebuah rumah pekerja dengan kerja pemasangan cerucuk giat dijalankan.

Selang kira-kira 500 meter iaitu di Jalan Negeri Sembilan di sebelah selatan, terdapat dua kawasan yang 'ditutup' dengan pagar juga diperlakukan kawasan itu sudah dibeli oleh syarikat binaan.

Tinjauan BH turut mendapati, kawasan perumahan di Bangsar Indah Condominium yang terletak di kaki bukit, mula terjejas apabila berlaku kejadian tanah runtuh baru-baru ini, akibat kawasan hutan berhampiran telah diterangkan.

Mengulas nasib yang menimpah Bukit Persekutuan, Presiden MNS, Prof Dr Ahmad Ismail, berkata ia agak mengecewakan memandangkan Bukit Persekutuan perlu dipertahankan dari sudut kepentingan alam sekitar.

"Jika kawasan hutan Bukit Persekutuan terus diganggu, kemungkinan kejadian banjir kilat

di Kuala Lumpur akan lebih parah lagi.

"Amat penting Bukit Persekutuan dijaga, bukan sahaja sebagai green lungs Kuala Lumpur namun juga habitat bagi flora dan fauna membabitkan 234 spesies," katanya.

Malah, Dr Ahmad berkata, sebuah bandar raya besar seperti Kuala Lumpur amat memerlukan kawasan hijau yang mencukupi bagi mengawal kejadian seperti banjir dan suhu bandar raya.

Ini kerana, katanya kawasan hijau dalam hutan sekunder Bukit Persekutuan mampu bertindak sebagai span untuk menyerap air selain mengawal aliran hujan yang lebat.

Selain itu katanya, penambahan projek pembangunan di Bukit Persekutuan juga berisiko menyebabkan kerosakan dan sistem perparitan tersumbat sehingga mengakibatkan kejadian banjir kilat bertambah buruk dengan nilai kerugian turut meningkat.

"Sementara diancam projek pembangunan, Bukit Persekutuan juga semakin terjejas apabila wujud kegiatan haram memburu hidupan khususnya burung dan tumbuh-tumbuhan di kawasan itu," katanya.

Bukit Persekutuan yang dili-



Tanah runtuh di Bangsar Indah Condominium kesan daripada kawasan hutan berhampiran diterangkan.
(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

puti hutan sekunder adalah bersempadan dengan Lebuhraya Sultan Iskandar (dahulu Lebuhraya Mahameru) hingga ke timur laut, Jalan Travers hingga ke tenggara dan Jalan Maarof ke barat daya.



Taman Botani Perdana atau dahulunya dikenali sebagai Lake Gardens, Kuala Lumpur pula terletak hanya di simpang ke Bukit Persekutuan.

Beliau berkata, ia penting dalam aspek simpanan air bersih,

Aktivis dan Pemegang Amanah Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan, Tan Sri Dr Saleh Mohd Nor, pula berkata kawasan hijau Bukit Persekutuan perlu disimpan dan diperlakukan untuk keselimbangan ekosistem Kuala Lumpur.

Aktivis dan Pemegang Amanah Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan, Tan Sri Dr Saleh Mohd Nor, pula berkata kawasan hijau Bukit Persekutuan perlu disimpan dan diperlakukan untuk keselimbangan ekosistem Kuala Lumpur.

Justeru katanya, adalah penting untuk kerajaan mengekalkan Bukit Persekutuan sebagai green lungs dengan tidak membenarkan pembangunan yang tidak sejarah dengan konsep mampan dan lestari.



Bukit Persekutuan terancam

- Pada 23 Oktober tahun lalu, berlaku jalan runtuh sejauh 40 meter di Lingkungan Negeri Sembilan di mana tanah itu 'dibawa' ke Jalan Limau Purut di Bangsar.
- Susulan kejadian itu, penduduk diminta untuk berpindah berikutnya kawasan itu dikesan tidak selamat dan insiden terbatit adalah kali kedua dilaporkan berlaku dalam tempoh beberapa bulan.
- Keadaan itu menimbulkan

kegusaran kawasan hijau bersempadan dengan Lebuhraya Sultan Abdul Halim hingga ke timur laut, Jalan Travers hingga ke tenggara dan Jalan Maarof ke barat daya bakal terancam fungsiya.

- Dengan keadaan ibu kota khususnya di Lembah Klang yang kian diancam dengan banjir kilat setiap kali hujan lebat meskipun dalam masa singkat, amat penting khazanah alam diperlihara.
- Berdasarkan maklumat

Pencinta Alam Malaysia (MNS), Bukit Persekutuan turut penting dalam aspek pendidikan, kesedaran awam mengenai kehijauan bandar dan penyelidikan.

- Melalui tinjauan yang dibuat MNS, terdapat 234 spesies daripada 82 keluarga, termasuk spesies tempatan dan yang ditanam seperti spesies hutan dan pokok buah-buahan.
- 21 spesies adalah dikalangan tumbuhan terancam mengikut

senarai merah Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN).

- Dari segi fauna pula, Bukit Persekutuan tempat tinggal bagi haiwan primat, mamalia kecil, burung termasuk yang berhijrah dan tempatan, reptilia, reptilia dan serangga.
- Terdapat 54 spesies burung dengan 34 daripadanya adalah burung yang dilindungi oleh undang-undang Malaysia.

Kesan mendapan lumpur berhampiran dengan balai polis Travers yang dipercayai dibawa air ketika hujan berkemungkinan dari projek pembangunan di Bukit Persekutuan.



Longgokan beg pasir bagi menghalang banjir kilat yang diletakkan DBKL di tepi sungai Kampung Kasipillay, Kuala Lumpur.



Mahadi (tengah) pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

14 langkah khas DBKL atasi banjir kilat di 25 lokasi

Peruntukan RM10 juta laksana pelan tindakan dalam 3 bulan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang melaksanakan 14 tindakan khusus bagi menanganinya segera

masalah banjir kilat di 25 kawasan 'hotspot' yang dikenal pasti.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata ia akan dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan hingga Julai ini melalui Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022 dengan membabitkan peruntukan RM10 juta.

Beliau berkata, pelan tindakan terbabit akan berpaduan dengan rancangan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia).

"Tindakan berkenaan termasuklah memastikan saluran keluar air larian ke longkang tepi jalan, tidak tersumbat atau terhalang. Kerja pemantauan dan pembersihan ini akan dilakukan setiap hari oleh pasukan khas DBKL."


"Seterusnya, menaik taraf scupper drain (saluran masuk air) di semua kawasan 'hotspot', meliputi melebarkan antara satu hingga dua kaki mengikut keperluan, membaiki pulih serta memastikan kecerunan saluran dalam keadaan memuaskan."

"Kerja-kerja ini sudah dimulakan di beberapa 'hotspot' seperti Jalan Brunei, Jalan Pudu, Jalan Changkat Thambi Dollah, hadapan Balai Polis Salak Selatan, Jalan Antoi, Jalan Pintasan Segambut, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Maharajalela dan Bulatan Dato Onn," katanya kepada pemberita pada sidang media, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mahadi berkata, tindakan lain termasuk menyempitkan bilangan jentera dan petugas mencukupi di lokasi 'hotspot'; mengenal pasti lajuan lengcongan yang perlu dibina serta-merta bagi mengelakkan kenderaan terperangkap dalam banjir.

Membina 'sump' baru bagi menyalurkan air ke longkang tepi jalan sedia ada; meletakkan guni pasir di kawasan rendah di tepi sungai bermula Jumaat lalu; melaksana kerja mengeluarkan kelodak di kolam takungan banjir di Lorong Maarof, Jalan

Lokasi 'hotspot' banjir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Travers dan Universiti Malaya.

Memastikan tangki *On Site Detention* (OSD) milik persendirian berfungsi; memastikan sungai dan saluran air tidak terhalang sampah, akar pokok atau tumbuhan liar; menggunakan lebih banyak *stone mastic asphalt* (SMA), iaitu material resap air; untuk permukaan dan turapan jalan.

Menjadikan aktiviti 'plogging' sebagai aktiviti rutin; menambah kawasan Zon Bebas Sampah di Kuala Lumpur; dan mengeluarkan khidmat pesanan ringkas (SMS) amaran banjir kilat kepada semua pemilik telefon bimbit yang berada dalam kawasan ibu kota.

Mahadi berkata, DBKL sekali

gus berharap seluruh warga kota dapat memberi kerjasama dalam pelaksanaan pelan tindakan itu, terutama mengelakkan pembuangan sampah merata-rata khususnya ke dalam sistem saliran.

"Pembekal utiliti juga diminta tidak menjadikan longkang sebagai laluan kabel serta paip utiliti mereka yang boleh menyebabkan aliran air terhalang dan menyumbang berlakunya banjir kilat," katanya.

Bagi langkah penyelesaian jangka panjang pula, beliau berkata, pihaknya sudah melantik Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) bagi melaksanakan kajian berkaitan selama 12 bulan dan memaklumkan perkembangan dari semasa ke semasa.

Ibadat&Fadilat					
Abu Ayyub RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa berpuasa Ramadan, kemudian mengikutannya dengan puasa enam hari Syawal, maka dia seperti puasa setahun." (HR Ibnu Majjah)					
KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:51	1:18	4:37	7:28	8:41
Alor Setar	5:52	1:17	4:37	7:28	8:41
P. Pinang	5:53	1:17	4:37	7:27	8:40
Ipoh	5:52	1:15	4:36	7:23	8:36
Kuala Lumpur	5:51	1:12	4:33	7:20	8:32
Shah Alam	5:51	1:12	4:33	7:20	8:32
Johor Bahru	5:45	1:04	4:25	7:08	8:21
Kuantan	5:46	1:07	4:28	7:13	8:26
Seremban	5:51	1:11	4:32	7:16	8:29
Bandar Melaka	5:50	1:10	4:31	7:16	8:28
Kota Bharu	5:45	1:10	4:30	7:20	8:29
K. Terengganu	5:42	1:06	4:26	7:15	8:28
Kota Kinabalu	4:51	12:16	3:36	6:25	7:38
Kuching	5:20	12:39	4:00	6:44	7:56

DBKL launches measures to fight flash floods

The Star · 10/5/22 (Tuesday) · Pg: 6

By BAVANI M.
bavanim@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The massive flooding that caused thousands of motorists to be caught in a gridlock on KL roads on April 25, has led to 14 interim measures being launched to target 25 flash flood-prone areas in the city.

Costing RM10mil, the project under the Kuala Lumpur City Hall (DBKL) will include hiring consultants to study the city's drainage system as well as renting high-capacity pumps and lorry tankers.

Mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah said 14 interim measures of the Flash Flood Action Plan Kuala Lumpur 2022 were made based on investigations and reports as well as community feedback gathered from the April 25 floods that hit parts of the city.

"The (April 25) flash flood lasted 45 minutes and based on the reports received, we have come up with several measures that will also require community participation to make it work," he said.

Mahadi said each hotspot would require a different solution to counter floods.

For instance, some of the flood hotspots that were badly affected were Jalan Brunei, Jalan Pudu, Jalan



Ready to act: Mahadi (centre) showing part of the flood action plan during the recent press conference. — LOW LAY PHON/The Star

Changkat Thambi Dollah, Jalan Maharajalela and Jalan Pintasan, Segambut.

DBKL will be upgrading and widening the scupper drains in these areas from 0.3m to 0.6m.

The drains will also be cleared of debris by workers from the Public Service Delivery Team, who will ensure that the drains are free of rubbish, tree branches and utility pipes and cables.

To resolve the issue of accumulated water on the road surface,

Mahadi said DBKL would build sump pumps at Jalan Sultan Ahmad Shah and Jalan Khidmat Usaha.

Areas near riverbanks will be installed with sandbags as a temporary measure before a flood wall is built.

"We have installed some 2,000 sandbags at Jalan Pintasan, Jalan Segambut, Jalan Rahmat, Kampung Kasipillay, Jalan Tun Sambanthan in Brickfields, Kampung Pasir and Lebuh Ampang," said Mahadi.

Other measures include desilting

of flood retention ponds in Lorong Maarof, Jalan Travers and Universiti Malaya.

DBKL will also be monitoring privately owned on-site detention tanks to check on blockages as well as using water-absorbent materials like stone mastic asphalt for road surfacing works.

Mahadi added that plans would involve public participation on plogging activities to run twice a week at all flood hotspots in Kuala Lumpur as well as creating more litter-free zones in the city.

"Our consultants will provide a progress report every three months. However, we have given ourselves until the end of the year to see how things go," he said.

When asked if DBKL would be relooking at the city's development guidelines in light of climate change and frequent flooding incidences, the mayor said, "We have long-term plans for that. The consultants are studying the city's drains and monsoon drain capacity and if there is a need for changes, we will relook based on the duties."

"We cannot be doing things on an ad hoc basis."

On April 25, heavy rain left thousands stranded in flash floods around the city and caused traffic to come to a standstill.

RM10 juta atasi banjir kilat di KL

DBKL laksana 14 langkah interim libat 25 hotspot banjir kilat di ibu negara

KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan 14 langkah interim dengan kos sekitar RM10 juta di bawah Pelan Tindakan Tebatan banjir Kilat 2022 mulai bulan ini bagi mengatasi isu banjir kilat di ibu negara.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, inisiatif tambahan itu dijalankan sebagai langkah segera sebelum penyelesaian jangka panjang yang kini masih dalam kajian Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) dan dijangka selesai April tahun depan sebelum dapat dilaksanakan.

"Kita dah mula ambil tindakan, kita akan lihat kesan 14 langkah ini dalam masa tiga bulan. Kerja-kerja yang menyumbang kepada banjir kilat juga akan dikawal selia dengan lebih rapi.

"Kita juga sudah lantik pasukan konsultan (Ikram) untuk kaji keseluruhan sistem saliran di Kuala Lumpur dan punca kerap banjir kilat. Ia ambil masa 12 bulan," katanya dalam sidang akhbar khas di sini pada Isnin.

Beliau berkata, pelan yang akan berpandukan kepada ramaikan cuaca Jabatan Meteorologi Malaysia itu membabitkan 25 hotspot; antaranya Jalan Pintasan Segambut, Jalan Rahmat, Jalan Sultan Azlan Shah, Lebuhraya Sultan Iskandar dan Jalan Maharajalela.

Ujarnya, tumpuan akan diberikan kepada kerja pemantauan dan pembersihan bagi memastikan saluran keluar air larian ke tepi jalan tidak tersumbat atau terhalang yang akan dilaksanakan pasukan khas *Public Service*

Delivery Team seliaan DBKL.

Langkah lain, jelasnya, termasuk menaik taraf *scupper drain* bagi memastikan kecerunan saluran air sentiasa memuaskan dan menempatkan jentera dan petugas DBKL di lokasi strategik banjir bagi memudahkan mobilisasi jentera seperti trak tunda, lori pam air bergerak dan pam air berkuasa tinggi ketika kejadian.

Tambahnya, langkah penyuraian trafik juga akan diperingkat dengan menempatkan lebih ramai warden trafik DBKL serta Polis Trafik Kuala Lumpur bagi membantu pengguna jalan raya membuat lengongan ke kawasan tidak terlibat banjir kilat.

"DBKL juga akan membina *sump* baharu bagi memastikan saluran air lebih sempurna, memasang guni-guni pasir sebagai langkah interim sebelum *flood wall* siap dibina dan menjalankan kerja mengeluarkan kelodak di kolam takungan banjir," jelasnya.

Selain itu, ujar Mahadi, DBKL turut akan memastikan tangki *On*



DBKL sudah melantik pasukan konsultan untuk membuat kajian menyeluruh sistem saliran di Kuala Lumpur serta punca kerapnya berlaku banjir kilat.

Site Detention milik persendirian berfungsi dengan baik.

Beliau berkata, pihaknya juga bercadang menggunakan lebih banyak *Stone Mastic Asphalt* untuk turapan jalan yang lebih meresap air, memperbanyak aktiviti *plogging* (jogging dan kutip sampah), mengisyihar lebih banyak Zon Bebas Sampah serta me-

ngeluarkan mesej amaran banjir kilat menerusi Sistem Pesanan Ringkas kepada warga kota.

"DBKL menyeru semua warga untuk memberi kerjasama bagi melaksanakan pelan ini dengan tidak membuang sampah di merata-rata tempat khususnya ke dalam sistem saliran," jelasnya. — Bernama

THE STAR, TUESDAY 10 MAY 2022

Content: (03) 7967 1388 ext 1706/1323/1496 metro@thestar.com.my

Advertising: (03) 7966 8388

Classified: (03) 7966 8200



Selangor

Selayang council warns businesses in Wangsa Permai commercial centre to improve waste disposal methods >2

Sarawak

Federal Government urged to expedite long-delayed flood mitigation project in Sibu >2



Johor

Business improves for hospitals and money changers with reopening of borders >4



Building a better KL



Stakeholders want DBKL to allocate more funds for infrastructure projects such as drainage, multi-storey carparks and recreational spaces in its 2023 budget.

By FARID WAHAB

faridwahab@thestar.com.my

KUALA Lumpur residents have high expectations of the quality of public services provided by government agencies.

They want their views taken into account during the planning process for the yearly budget to ensure the funds will be used to make the capital city a better place to work and live in.

Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is currently seeking feedback from stakeholders for its 2023 budget.

It is gathering input on matters such as cleanliness, roads and drainage as well as maintenance of public housing and facilities, among others.

Several residents associations spoke to *StarMetro* about what they want DBKL to focus on next year.

Upgrading infrastructure

The flash floods that hit several major roads in late April have once again raised concerns over poor drainage in Kuala Lumpur.

Brickfields Rukun Tetangga chairman SKK Naidu said a better flood mitigation plan was needed, including more efficient drainage, in view of higher rainfall.

"The water level at Sungai Klang will rise after just an hour of heavy rain.

"Several parts of Brickfields are at risk of flooding when this happens," he said.

On traffic issue, Kepong community activist Yee Poh Ping said existing roads could not cope with the higher volume.

He said more new developments were being approved by DBKL without proper consideration for the roads and their capacity.

He noted that three main roads – Jalan Kuching, Jalan Ipoh and Jalan Kepong – faced daily congestion.

"Too many high-rise projects are being built in these areas.

"Long-time residents are anxious that these projects will adversely affect their quality of life," he added.

Taman Tun Dr Ismail Residents Association chairman Abdul Hafiz Abu Bakar proposed that more multi-storey carparks be built in commercial areas to reduce congestion caused by those who park illegally on streets.

"There are simply not enough on-street parking bays, causing people to double and triple-park.

"DBKL should work with residents and an independent consultant to come up with a traffic management plan," he added.

Septuh MP Teresa Kok said many roads in her constituency were pitted with potholes.

"Drains in some old housing areas also need to be upgraded to prevent flash floods," she said.

She stressed that Kuala Lumpur MPs should be consulted in the drafting of the budget so that DBKL would be aware of the improvements needed in the respective constituencies.

Malaysian Federation of Hawkers and Petty Traders Association wants DBKL to upgrade food courts and wet markets in the city.

Its president Datuk Seri Rosli Sulaiman said the local authority should also consider giving traders discounts on licence and rental fees.

> TURN TO PAGE 3



According to the Federal Territories Ministry, DBKL's finances have been affected after it waived late payment charges for assessment tax during the Covid-19 pandemic. — Bernama

'City Hall must beef up enforcement'

FROM PAGE 1

"Many of us are still recovering from the economic downturn caused by the Covid-19 pandemic," he added.

Stronger enforcement

Taman Desa Residents Association (TTRA) said DBKL should spend more on enforcement activities and go after those who broke the rules.

TDRA treasurer Koh Swee Hyong cited as an example businesses in nearby commercial areas, which he said were discarding waste into drains.

"This has caused blockage in water flow, which in turn attracts pests to the area."

"The problem has gotten so bad that I once saw rats climbing up trees there," he said.

He added that the issue had persisted despite a *gotong-royong* organised by TDRA to clean the drains.

"Unlike DBKL, we cannot undertake such activities on a regular basis."

"We need stronger enforcement to deal with the problem," said Koh.

Bangsar Baru Residents Association secretary Prem Kumar Nair also called for more effective enforcement by DBKL.

He said the local authority should step up its monitoring of entertainment outlets in the area. He complained that the customers' drunken and disorderly behaviour disrupted peace in the neighbourhood.

"Many residents here are senior citizens and they should not have to put up with the noise which continues into the wee hours of the morning," he added.



Abdul Hafiz: Constructing more multi-storey carparks will reduce illegal parking.



Yee: DBKL branch managers should go to the ground to find out problems at the constituency level.

Prem Kumar also wanted City Hall to issue more summonses to traffic offenders, especially those who park illegally.

"Traffic obstruction due to double-parking is all too common, while some vehicles are also parked on road shoulders and kerbs," he said.

Another pressing matter, he highlighted, was the rise in shared accommodation including holiday rentals in Kuala Lumpur, which had sparked safety and security concerns.

Prem Kumar said some homeowners in Bangsar Baru had partitioned their property so they could rent to more people.

"As a result, we have many strangers coming and going in our neighbourhood."

"This has also caused more vehicles to be parked in this housing area."

"In addition, there is an increased risk of fire due to many people sharing the same living

quarters," he said.

He called on DBKL to regulate the industry before a disaster happened.

Koh also raised concerns about earth movement at a slope near SMK Taman Desa.

"There is a row of huge trees on top of the slope."

"Everything could come crashing down, endangering passersby."

"DBKL should issue a notice to the landowner to trim the trees," he said.

Parks and recreation

Urbanites want more parks and for existing greenery to be preserved.

Abdul Hafiz said DBKL should allocate a bigger budget to build recreational areas, especially on idle land.

"DBKL must also ensure better access by providing dedicated walkways and bicycle lanes," he said.

Yee agreed that there should be



Malaysian Federation of Hawkers and Petty Traders Association wants DBKL to give traders discounts on rental and licence fees. — Filepic



STAR METRO WATCH

TRAFFIC MATTERS

> Temporary lane closure and traffic diversion on Persiaran Kerjaya between Sekolah Tinta Mas and Masjid An-Nur Temasya Glenmarie (Shah Alam and Kuala Lumpur/Subang-bound) and on Jalan Perintis U1/52 to facilitate LRT3 project works from until July 31. Motorists from Jalan Pengaturcara U1/51 heading towards KL/Subang should make a left turn onto Persiaran Kerjaya Shah Alam and keep to the right and then make a U-turn onto Persiaran Kerjaya (KL/Subang Bound). Motorists on Jalan Pengaturcara U1/51 heading towards Jalan Perintis U1/52 should divert to a lane opposite Masjid An-Nur Temasya Glenmarie.

> Temporary lane closure and traffic diversion on the New Klang Valley Expressway (from KM14.5 to KM14.6, KL/Sungai Buloh-bound) to facilitate LRT3 project works until Aug 31, from 11pm to 5am. For details, call 1 800 18 2585 (LRT3 hotline).

COMMUNITY GRANTS

Application for the Petaling Jaya Community Grant 4.0 is now open until June 30. Successful applicants could receive between RM5,000 and RM50,000 in grant from the Petaling Jaya City Council. For details call 03-7954 1440 or email gerankomuniti@mpbj.gov.my

COUNCIL MATTERS

> MPAJ is organising a rat eradication programme in Pandan Jaya. RM3 will be paid for each rat brought in to the public field beside the Selangor Public Library Corporation at Jalan Pandan 4 from 8am to noon on May 21 & 28, June 11 & 25, July 9 & 23. For details, call MPAJ Health and Environment Department at 03-4285 7007.

> Kuala Langat Municipal Council is organising a Hari Raya greeting video contest. Submission deadline is May 18. For details, visit bit.ly/mpklCeriaRaya

> There are vacant trading premises at food courts and public markets under the Port Dickson Municipal Council. Applications are open online at http://mymppd.mppd.gov.my/mymppd/ until May 13. For details, call the council Property Management and Valuation Service Department at 06-646 2057.

> Those looking to advertise on billboards in Shah Alam can contact the Shah Alam City Council at its Property Management and Valuation Service Department - Zawawi (019-220 8900) or Wan Suraya (012-662-4846).

VIDEO COMPETITION

Menteri Besar Selangor Incorporated is organising a short video competition on corruption and power abuse. Duration of the video is limited to three minutes. Participate individually or in groups. Submit entries via integrif@mbis Selangor.com.my by June 30.

PHOTOGRAPHY CONTEST

Deadline for Putrajaya Tourism Photography Contest has been extended to June 30. Theme is architecture and new tourism products such as glamping sites, Putrajaya Steps, sandy beach and natural attractions. For details, visit http://www.ptpc2022.info/

VOLUNTEER TRAINING

Befrienders Ipoh will train new hotline volunteers at its centre in Fair Park from June 11 to 19. The programme is open to volunteers aged 21 and above. Registration ends on May 31. For details, WhatsApp at 012-534 0063.